

02 APR 1998

Badminton-Terbuka Kelantan

YONG HOCK KIN TARIK DIRI TERBUKA KELANTAN

KOTA BAHARU, 2 April (Bernama) -- Pemain kedua negara yang juga diletakkan pilihan kedua pada kejohanan Badminton Sirkuit Terbuka Kelantan 1998, Yong Hock Kin mengesahkan menarik diri daripada kejohanan itu.

Setiausaha Kehormat Persatuan Badminton Kelantan, Nik Arif Nik Mansor ketika ditemui berkata, Hock Kin terpaksa menarik diri kerana dikatakan kurang sihat.

"Beliau sendiri telah menghantar Sijil Surat Sakit yang telah disahkan daripada pegawai perubatan Majlis Sukan Negara kepada referi kehormat kejohanan itu, Yap Tee Loy pagi ini," katanya di sini, hari ini.

Penarikan Hock Kin itu akan memberi laluan mudah kepada pilihan pertama, Ong Ewe Hock untuk memenangi kejohanan pada kali ini yang dijangka akan bertemu Wong Ewe Mun pada peringkat akhir, Ahad ini.

Sebelum itu, salah seorang daripada bergu pertama negara yang juga diletakkan sebagai pilihan pertama, Choong Tan Fook telah digantikan dengan Ng Kim Kock bagi digandingkan dengan Lee Wan Wah yang mengalami demam campak. Mereka akan bertanding pada Sabtu ini.

Sementara itu kesemua pemain pilihan bagi kategori perseorangan lelaki iaitu Ong Ewe Hock, Wong Ewe Mun, Jason Wong, Ramesh Nathan dan Wong Choon Han akan bertarung pada pusingan kedua pagi esok dan lawan mereka akan ditentukan pada perlawanan malam ini.

Kejohan sirkuit tersebut, yang bermula hari ini, menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM14,000 dimana beberapa kategori telah dipertandingkan hari ini, iaitu perseorangan lelaki, bergu lelaki, bergu wanita, bergu campuran, perseorangan lelaki remaja dan perseorangan wanita remaja.

KEPUTUSAN:

PERSEORANGAN LELAKI: Aamar Hashim (Pr) mn Zainal Hafiz 15-11 dan 15-5, Mahathir Mustafa (BAM) mn Hoo Kim Loon (Pg) w.o, Ng Kam Fook (Pg) mn Khirul Sairi (Pk) 15-2 dan 15-12, Chong Chi How (Kn) mn Nor Azrul 15-9 dan 15-4 dan Abdul Razak Ibrahim (Jh) mn Eko Hamiseno (Pg) w.o.

BERGU LELAKI: Song Weng Yee/Cheung Kah Wai (Pk) mn Ng Kam Fook/Zainul Hafiz (Pp) 15-4 dan 15-8, Adi Sumirat/Hamijuwari (Sl) mn Liew Nam Min/Quek Kee Koon (Kn) 18-15 dan 18-16, Zulkifli Mat/Kamaluddin Haron (Jb) mn Rossiziadi/Khairul Shah (Pk) 15-2 dan 15-3, Iskandar Asis/Liew Nam Min (Sl) mn Namrih Suruto/Troy Chandra (PP) w.o.

Chong Chi How/Daniruddin Daud (Kn) mn Nor Hasmawi/Iskandar Jaafar (Pk) 15-4 dan 15-4, Fadzil Mat Aris/Jeremy Valberg (Sl) mn Lim Aik Siong/Fong Soo Wai (KL) w.o, dan Mohd Ridzuan/Nik Azarudi (Kn) mn Ho Kim Leong/Eko Hamiseno (PP) w.o.

BERGU CAMPURAN: Mohamad bin Hasim/Rashleen Rahim (Kn) mn Ang Yong Chin/Ooi Chia Ee (Kd) 15-4 dan 17-16, Ng Vhoon Kang/Teo Hing Siew (Jh) mn Choon Huan Chun/Goi Bok Chia (kd) 15-2 dan 15-3, On YHong Pihn/Goh Yeh Siew (Mk) mn Yong Hoi Kit/Ravinder Kaur (KL) 15-6;3-15 dan 17-15.

Song Weng Yee/Lim Poh Ching (Pk) mn Salikhin Mahmood/Ng Soo Mui (Jh) 15-7 dan 15-9, Hong Chieng Hun/Lau Hooi Woon (Kd) mn Tan Joo Guan/Wan Soon Lian (Mk) 17-17 dan 15-11, Lim Kean Ming/ Woo Pui Kuan (KL) mn Latifah Che Wan/Ahmad Maabus (Kn) w.o dan Wong Kean Loon/Hardiana Jalil (Jh) mn Chai Yoon Kean/Lam Yin Ling (Pk) 15-7; 9-15 dan 15-3.

PERSEORANGAN WANITA REMAJA: Rashleen Rahim (Kn) mn Hardiana Jalil (Jh)

11-3 dan 11-2, Karen Lim (Pk) mn Nik Hatikah (kn) w.o, Ooi Chia Hee (Kd) mn Chan Siew Wai (Kn) 11-5 dan 11-3, Wong Mew Bhoo (Sl) mn Teo Hong Yew (Jh) 11-3 dan 11-9.

Goh Yueh Siew (Mk) mn Yong Siew Sian (Kn) 11-5 dan 11-5, Ng Soo Hui (Jh) mn Ravinder Kaur (KL) 11-7 dan 11-6, dan Ho Shun Mei (Ph) mn Marilyn Pang (Pg) 11-7;6-11 dan 11-8.

BERGU LELAKI: Song Weng Yee/Cheang Kah Wai (Pk) mn Ng Kam Fook/Zainul Hafiz (PP) 15-4 dan 15-8, Adi Sumirat/Hamijuwar (Sl) mn Ooi Chin Huat/ Quek Kee Koon (Kn) 18-15 dan 18-16, Salikhin Mahmood/Kamaluddin Haron (Jh) mn Rossiziadi/Khairul Safri (Pk) 15-2 dan 15-3.

Iskandar Asis/Liew Nam Min (Sl) mn Namrik Suruto/Troy Chandran (PP) w.o, Chong Chi How/Daniruddin Daud (Kn) mn Nor Hasmawi/Iskandar Jaafar 15-4 dan 15-4, Fadzli Mat Aris/Jeremy Valberg (Sl) mn Lim Aik Seong/Fong Soo Wai (Kd) w.o, dan Mohd Ridzuan/Nik Azarudin (Kn) mn Ko Kim Loon/Eko Hamiseno w.o. -- BERNAMA

MNR AO